

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1 & 2

### Felda lubuk dadah

● Johor, Pahang tertinggi ● Banyak laluan tikus di tanah rancangan

# Felda lubuk dadah

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pengedar dadah kini dipercayai menjadikan tanah-tanah rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) sebagai lubuk untuk urusan jual beli bahan terlarang itu kepada penagih di kawasan

terabit.

Kawasan Felda yang terlampaui luas dan terletak di pedalaman memudahkan pengedar membuka laluan-laluan tikus untuk menyeludup masuk bekalan dadah ke dalam tanah-tanah rancangan berkenaan, malah membekalkannya juga kepada kampung-kampung

berdekatan.

Berdasarkan rekod Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, sebanyak 209,138 individu dikesan terlibat dalam aktiviti penagihan dadah di seluruh negara sejak 2019 sehingga Januari lalu yang kebanyakannya mereka berusia antara 14 hingga 40 tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, daripada jumlah itu, Johor mencatatkan bilangan penyalahgunaan dadah tertinggi iaitu 28,068 kes, manakala Pahang 27,537 kes.

**Bersambung di muka 2**

# Felda lubuk dadah

## Dari muka 1

Beliau bagaimanapun tidak mendedahkan jumlah kes di tanah-tanah rancangan Felda.

"Hasil kajian dilakukan, terdapat peningkatan kes di dua negeri tersebut berkemungkinan disebabkan negeri-negeri itu mempunyai jumlah tanah rancangan Felda yang banyak berbanding negeri lain.

"Faktor lokasi yang sukar dikesan dan jauh daripada orang ramai menyebabkan ahli sindiket dadah mengambil kesempatan menggunakan lokasi ini dalam menjalankan aktiviti pengedaran dan penagih dadah secara berterusan," katanya di sini semalam.

Bagi negeri-negeri lain, kata Ayob Khan, 24,296 kes penyalahgunaan dadah direkodkan di Sabah, Kelantan (23,734), Terengganu (18,039), Sarawak (17,763), Selangor (14,171) dan Negeri Sembilan (11,814) serta Kuala Lumpur (11,086).

"Sebanyak 8,674 kes pula di Kedah diikuti Perak (7,958), Pulau Pinang (6,712), Melaka (6,323) dan Perlis (2,964).

"Sepanjang tempoh sama, kita telah bergerak agresif apabila menangkap 163,952 penagih di seluruh negara

AYOB KHAN

Kes Melibatkan Penyalahgunaan Dadah Seksyen 15 (1)(A) ABD 1952 Dan Seksyen 3 (1) APD (R/P) 1983 2019 Sehingga Januari 2022

2019	2020	2021	Jan 2022	Jumlah
81,837 kes	66,318 kes	52,816 kes	8,167 kes	209,138 kes

untuk tindakan lanjut di bawah Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998)," jelasnya.

Dalam pada itu, Ayob Khan memberitahu, daripada tangkapan itu 152,653 penagih adalah lelaki manakala 11,299 perempuan.

Dalam mengatasi masalah penagihan ini, Ayob Khan turut meminta masyarakat terutamanya ahli keluarga untuk memainkan peranan penting dalam membendung kejadian tidak diingini ini berlaku.

Jelasnya, masyarakat seharusnya lebih peka dengan tingkah laku dan perubahan orang sekeliling terutama sekali dalam ahli keluarga.

"Ahli keluarga seharusnya menjadi orang yang pertama dapat mengesas jika terdapat antara mereka terlibat dengan dadah.

"Salah satu daripada punca golongan muda terlibat dalam penyalahgunaan dadah ialah kurang perhatian dan kasih sayang keluarga, justeru

ibu bapa perlu lebih mengambil berat tentang keperluan anak-anak sebagai seorang manusia iaitu kasih sayang.

"Ibu bapa juga perlu sentiasa terbuka dan bertindak sebagai pendengar yang baik kepada anak-anak selain mengetahui pasti perubahan yang berlaku kepada anak-anak sama ada dari segi positif atau negatif," ujarnya.

Ayob Khan mengingatkan agar masyarakat memberi peluang kepada mereka yang terlibat mendapatkan rawatan dan pemulihan di samping sokongan moral bukannya dipinggirkan.

"Di JSJN kita akan terus meningkatkan operasi dan tangkapan di bawah tindakan Seksyen 39C ADB 1952 ke atas penagih tegar dan berulang di negeri atau daerah melalui profil penagih dari rekod berdaftar yang ada.

"Selepas itu, pemerhatian dan penilaian akan dibuat oleh JSJN, daerah ke atas penagih tegar dalam kalangan ahli keluarga yang menagih dan mempunyai masalah mental untuk memastikan mereka tidak mengalami ketagihan supaya rawatan dan pemulihan awal dapat diberi oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sekali gus boleh mengawal tindakan yang boleh mengancam nyawa dan mencederakan kepada ahli keluarga," katanya.

